

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16/12/2018

Dr Mahathir naik Geely Bo Rui

BH-16/12/2018 m/s: 17

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad dilihat menaiki kereta Geely Bo Rui, keluaran syarikat Geely dari China ketika menziarahi jenazah bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin atau Zam, di Surau At Tarbiah, Taman Melawati, di Kuala Lumpur pagi semalam.

Beliau yang tiba di situ pada jam 9.15 pagi dengan memandu sendiri kereta pemanduan sebelah kiri berwarna biru itu diiringi polis keselamatan bermotosikal.

Jenama berkenaan belum dipasarkan di negara ini, tetapi menurut laporan portal automatik baru-baru ini, model berkenaan mungkin menjadi pilihan untuk jenama Perdana keluaran Proton Holdings Bhd (PROTON) yang menjalin kerjasama dengan Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely).

Baru-baru ini, Perdana Menteri

melancarkan kenderaan utiliti sukan (SUV) pertama PROTON sejak menjalin kerjasama dengan Geely, iaitu Proton X70, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Guna enjin hibrid

Carian menunjukkan kereta Bo Rui menggunakan enjin hibrid-dua varian, plug-in hibrid (PHEV) dan mild hibrid (MHEV).

Ia boleh berkomunikasi dengan pemandu dan dilengkapi ciri keselamatan sehingga tujuh beg udara, Sistem Pemantau Tekanan Udara Tayar (TPMS), amaran pertukaran lorong jalan, brek kecemasan automatik, amaran pelanggaran.

Model berkenaan juga dilengkapi kawalan kelajuan, parkir automatik dan caj telefon pintar automatik. Harga di China bermula daripada CNY133,680 (RM82,777) sehingga CNY 232,800 (RM144,154).



Dr Mahathir menaiki Geely Bo Rui, ketika menziarahi jenazah Zam di Taman Melawati, pagi semalam.